

Tambah baik PdPR bantu guru, murid tangani impak pandemik

Berita HARIAN (07/06/2021) M/S 10

Oleh Dr Mohd Hafiz Md Hanif
bhrencana@bh.com.my



Pengarah Akademik Pendidikan/Sekolah Makmal, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Pengumuman lanjutan tempoh Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) diumumkan Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin, pada dalam sesi sidang media khas semalam memberi gambaran jelas terhadap impak pandemik COVID-19 ke atas proses pendidikan di negara ini.

Perancangan awal Kementerian Pendidikan (KPM) adalah menjalankan sesi persekolahan secara bersempena selepas cuti pertengahan tahun yang akan berakhir 13 Jun ini bagi sekolah dalam Kumpulan A dan 14 Jun (Kumpulan B), tetapi terpaksa diubah kepada sesi PdPR selama 25 hari sebelum sesi cuti pertengahan peng-

Terdapat juga sebilangan guru kini mempunyai akaun YouTube dengan pelbagai kandungan video dibangunkan mereka sendiri.

Pada masa sama, ada juga guru kurang mahir dengan pedagogi terutama kemahiran dan pengetahuan pedagogi teknologi (technological pedagogical knowledge).

Golongan ini memerlukan sokongan lebih daripada Kementerian bagi membantu mereka bentuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) ketika PdPR. Hakikatnya, proses pendidikan tidak memerlukan teknologi tinggi untuk dizahir dan diajar kepada murid.

Kreativiti guru dalam melihat peluang mereka bentuk proses PdP bersifat *low-tech* dilihat perlu, terutama yang mengajar di lokasi tiada akses kepada internet atau bermasalah.

Contohnya, guru ini boleh meneruskan PdPR dalam bentuk modul pembelajaran sendiri direka khas untuk membantu murid belajar di rumah.

Modul ini juga perlu mempunyai set arahan bagi ibu bapa supaya boleh membimbing peranan lebih

ses pendidikan dan membabitkan pembangunan modul 'Autotutorial' mudah lentur, bersifat holistik dan kalis pandemik.

Inisiatif lain dijalankan Kementerian dilihat dapat membantu murid mendepani cabaran PdPR ini. Sebagai contoh, Didik TV KPM yang dilancarkan pada 17 Februari lalu dapat memberikan ruang alternatif bagi murid mengikuti pembelajaran secara sehala.

Inisiatif CERDIK yang diumumkan Kementerian dengan kerjasama Yayasan Hasanah untuk menyalurkan sejumlah 150,000 komputer riba adalah inisiatif baik bagi membantu murid dikenal pasti tergolong dalam B40 ini tidak akan mengalami keciciran.

Namun, Kementerian perlu melihat semula garis masa gerak kerja pemberian komputer riba kerana sebahagian besar daripada murid disasarkan dalam inisiatif ini akan lewat menerima peranti berkenaan. Dikhuatiri murid B40 terkesan ini akan hilang minat dan keciciran apabila sampai September nanti.

sebelum ini juga perlu mempunyai set arahan bagi ibu bapa supaya boleh memainkan peranan lebih sistematik dan berkesan dalam membantu anak-meneruskan proses pembelajaran di rumah.

Sokongan kepada penguatkuasaan kaedah pedagogi seperti ini dilihat perlu kerana dengan kekuatan guru seluruh negara seramai lebih 400,000 orang, garis panduan lebih khusus dan sistem sokongan pedagogi kreatif diperlukan.

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sendiri sedia cakna dengan perkara ini dan Akademi Pendidikan/Sekolah Makmal menyediakan kerangka khas kurikulum dan pendekatan lebih dinamik, khusus untuk membantu guru dan murid ketika pandemik ini.

Kurikulum pendekatan Neoterik ini dibangunkan selepas mengkaji impak pandemik kepada pro-

tember nanti.

Penjajaran semula kurikulum dan pengumuman anjakan tarikh bagi menduduki Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) adalah respon dilihat sesuai mengikut keadaan semasa. Umum perlu ambil maklum Kementerian terpaksa berinovasi dalam ke-

Ketangkasan KPM mengubah struktur pendidikan kebangsaan bagi membolehkan proses pembelajaran berlaku perlu diakui, walaupun ia tidak dapat menjadi seperti proses pendidikan prapandemik.

Hakikatnya, pendidikan tidak akan dapat kembali menjadi seperti sedia kala. Justeru, kerjasama semua pihak perlu bagi mempertahankan kualiti generasi masa depan yang akan menerajui negara.

KPM sudahpun mengeluarkan beberapa garis panduan perubahan proses pendidikan bagi meminimumkan impak pandemik terhadap murid di negara ini. Strategi PdPR dijalankan guru seluruh negara sejak tahun lalu, menerima pelbagai reaksi bukan sahaja dalam kalangan pendidik, malah ibu bapa dan masyarakat.



Didik TV KPM memberi ruang alternatif bagi murid mengikuti pembelajaran secara sehala.

(Foto hiasan)